

Pekan: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pahang membelanjakan RM10,000 bagi menyediakan makanan kepada lebih 10,000 ternakan milik 313 penternak di negeri ini yang terbabit banjir kali ini.

Pengaruhnya, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor berkata, dua jenis makanan dibekalkan kepada lembu, kerbau, kambing dan biri-biri adalah palet hampas isirong palma (PKC) dan rumput proses (Silej) dalam tempoh 10 hari.

Katanya, pihaknya turut memberikan bantuan makanan kepada ternakan yang terkepung dalam banjir. Turut sama menghulurkan bantuan adalah badan bukan kerajaan (NGO) Group Transformasi Ruminan (GTR).

Katanya, bantuan makanan ternakan diberikan secara berperingkat kepada penternak di semua daerah terbabit banjir bermula hari pertama bencana berlaku.

"Pekan menjadi daerah paling banyak ternakan yang terkepung lait u lebih 2,400 milik 130 penternak diikuti Jerantut sebanyak 1,500 ternakan milik 63 penternak dan Kuantan lebih 1,000 ternakan milik 36 penternak.

"Seramai 29 penternak di Bera, Lipis (23), Temerloh (14), Maran (10) dan Rompin (8) turut berdepan ternakan mereka terkepung akibat banjir selain kawasan ragut ditenggelami air," katanya ditemui selepas meninjau ternakan lembu di Kampung Kiambang Ganchong, di sini, kelmarin.

Dr Norlizan berkata, dalam kejadian banjir kali ini pihaknya tidak menerima sebarang aduan daripada penternak mengenai ternakan mereka mati akibat lemas atau kelaparan.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa berusaha membantu penternak di negeri ini dengan mewujudkan pasukan khas di setiap daerah yang bertanggungjawab dalam pelbagai perkara pada musim tengkujuh dan selepasnya.

"Sebagai contoh, pasukan tindakan pantas, pasukan pindah, bilik gerakan dan pasukan kebajikan melakukan tugas bagi memastikan penternak tidak berdepan masalah berkaitan dengan ternakan.

"Banjir di daerah ini menyebabkan pegawai Pejabat



Harian Metro
7/2/2017

Beri makan 10,000 ternakan

ANTARA lembu ternakan yang terkepung ketika banjir diberi makan.

Veterinar Daerah bertugas hampir 24 jam, mereka memantau paras air terutama di kawasan ada ternakan yang

terkepung akibat banjir.

"Saya kesal apabila ada pihak mendakwa sekumpulan 85 lembu milik seorang pen-

ternak di Kampung Kiam bang Ganchong kebulur seangkan ia tidak berlaku," katanya.